# Joget Lambak



*Oleh*
MADULARA

Terbitan

Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka
Tingkat 3, Bangunan RISDA,
Jalan Tun Sri Lanang,
Melaka.

Cetakan Kedua 2004

Font : Arial / Times
Point Size : 10/14

PNMB

*Dicetak oleh*
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
No. 64, Jalam IMJ 6,
Taman Industri Malim Jaya,
75250 Melaka.

Tel. : 06-3369176
Faks. : 06-335 9529



## Sekapur Sirih

Menerbitkan bahan-bahan kajian kebudayaan dan kesenian adalah salah satu daripada bidang usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Usaha ini dijalankan terus menerus untuk memperbanyak bahan-bahan bacaan dan rujukan dalam bidang kebudayaan. Di samping itu dari masa ke semasa bahan berkenaan kian bertambah banyak.

Membuat kajian sesuatu bahan yang telah lama ditinggalkan zaman bukanlah satu perkara yang mudah. Usaha ini memerlukan ketekunan dan kesabaran serta disokong oleh kekuatan daya yang bersungguh-sungguh. Namun tanpa minat yang mendalam pula tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Bangsa kita dikenali memiliki banyak fakta kesenian dan kebudayan yang diwarisi sejak zaman silam tetapi begitu banyak pula yang telah dilupakan kerana ditelan zaman. Di zaman kini fakta-fakta itu kebanyakannya menjadi bahan perbualan sahaja. Anehnya lagi banyak diceritakan lagi bertambah menarik jadinya.

Usaha menyusun buku JOGET LAMBAK ini sebenarnya tidak banyak berbeza dengan jahitan dan menyusun buku kesenian yang lain. Lantaran itu seharusnya diberikan sanjungan kerana sekurang-kurangnya dengan usaha ini telah menambah bilangan buku-buku khazanah seni bangsa.